

Suami isteri bantu jalankan kegiatan along didenda

MIRI: Sepasang suami isteri masing-masing didenda RM5,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan membantu menjalankan kegiatan pemberian pinjam wang tanpa lesen.

Tertuduh, Mohammad Riduan Abdullah, 56, dan Mery Apriliani, 36, dari Jalan Maigold, Golden Royal Villa Senadin di sini, didakwa

mengikut Seksyen 29AA (1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1952 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM20,000.

Berdasarkan fakta kes, kedua-dua tertuduh didapati telah membantu seorang pemberi pinjam wang tidak berlesen untuk menjalankan kegiatan pemberian pinjam

wang tanpa lesen.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 2.15 petang, 24 Julai lalu di sebuah lot di Desa Senadin Fasa 8 (Sri Pertiwi), Jalan Kuala Baram Bypass di sini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam bela Jasvir Singh.